



**Teks Ucapan Ybhg. Datuk Hajah Hakimah Binti Mohd. Yusoff Ketua
Pengarah Jakim Bersempena Perhimpunan Jakim Bulan September
2023**

Tarikh : 6 September 2023 (Rabu)
Masa : 8.30 pagi
Tempat : Auditorium Kompleks Islam Putrajaya

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam sejahtera

SALUTASI

Saudara Pengacara Majlis

Yang Berbahagia Dato' Selamat Paigo,
Ketua Pengarah JAWHAR

Yang Berusaha Tuan Haji Ahmad Fuad Apandi
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan), JAKIM

Pengarah-pengarah Kanan JAKIM

Pengarah-pengarah Bahagian JAKIM

Saudara dan Saudari Warga JAKIM dan JAWHAR yang saya hormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. **Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran** dirafakkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan inayah-Nya jua kita dapat berjumpa lagi dalam Majlis Perhimpunan JAKIM bagi bulan September 2023 ini.

2. **Setinggi-tinggi tahniah diucapkan** kepada semua khususnya **Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)** selaku Urus Setia Majlis Perhimpunan kerana sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan kualiti pengurusan acara.

3. Tahniah juga kepada semua yang dapat hadir dalam perhimpunan bulan ini sama ada secara fizikal mahupun secara dalam talian. **Saya harap kita tidak melepaskan peluang untuk menyertai setiap kali perhimpunan JAKIM diadakan.** Inilah ruang dan platform untuk kita bertemu lebih rapat, mendengar amanat pengurusan tertinggi, bermuhasabah, mendapat suntikan motivasi dan kekuatan untuk terus bekerja secara bersama-sama.

4. Kita mempunyai keluarga besar. Warga di ibu pejabat dan cawangan sahaja kita mempunyai **1394 orang**. Warga JAKIM yang berkhidmat sebagai **kader di agensi luar seramai 2134 orang**. Kadang-kadang saya sendiri tak kenal dan tak cam anak-anak buah sendiri. Oleh itu, ambillah peluang bertemu dan bertegur di mana-mana supaya kita saling kenal mengenali antara satu sama lain.

SELAMAT BERTUGAS DAN SELAMAT BERSARA KEPADA PEGAWAI JAKIM

5. Perhimpunan kali ini kita turut mengucapkan selamat datang dan selamat bertugas kepada **Tuan Haji Mohd Fadzil bin Abu Kasim, Timbalan Pengarah Operasi JAWI yang ditempatkan sebagai Pengarah Bahagian Pendidikan JAKIM mulai 4 September 2023**. Selamat bertugas di tempat baharu juga kepada **Tuan Haji Hanifuddin Roslan, Pengarah Bahagian Pendidikan JAKIM yang ditugaskan sebagai Pengarah IKMAS mulai 4 September 2023** dan **Tuan Haji Kamaldin bin Mohd Damin, Pengarah IKMAS**

yang ditempatkan sebagai Timbalan Pengarah Bahagian Dakwah JAKIM.

6. Kita juga ingin merakamkan ucapan selamat bersara kepada **Tuan Haji Aminuddin bin Mohamad, Pengarah Kanan Bahagian Kemajuan Islam yang bersara wajib mulai 4 September 2023** dan **Ustazah Norhanim binti Abdul Halim, Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian KSK yang bersara pada 5 September 2023.**

KUALITI DALAM PENGURUSAN JABATAN

Hadirin sekalian,

7. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah atas kesungguhan setiap warga JAKIM dalam menjayakan setiap arahan dan perancangan program-program yang telah diatur seperti Majlis Tilawah dan Menghafaz al-Quran Peringkat Antarabangsa kali ke 63, Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Kali ke 70

yang dipengerusikan oleh Tuanku Sultan Selangor dan lain-lain program sama ada program besar mahupun program kecil termasuk mesyuarat dan seumpamanya. Apa yang ingin diberi penekanan oleh saya ialah aspek **kualiti pengurusan program** dari perkara yang sekecil-kecilnya hinggalah perkara yang sebesar-besarnya. Sememangnya kita sudah berpengalaman dalam pengurusan pelbagai program atau mesyuarat. Namun, kadang-kadang oleh kerana kebiasaan itu membuatkan kita terlepas pandang terhadap sesuatu perkara yang boleh menjejaskan kualiti pengurusan program kita. Usaha untuk mempertingkatkan kualiti pengurusan program, termasuklah langkah-langkah penambahbaikan, idea-idea baharu dan perbelanjaan berhemah perlu diberi perhatian oleh kita semua.

8. Sebagai penjawat awam, **kita perlu ada keinginan dan kesediaan untuk menjadi insan yang dapat menyumbang sesuatu yang lebih baik kepada kemajuan organisasi dan ketamadunan ummah.** Kejayaan sesebuah organisasi adalah hasil titik peluh perjuangan masa lampau oleh perintis dan tenaga-

tenaga hebat terdahulu yang telah mengangkat martabat sesebuah organisasi daripada biasa-biasa menjadi satu organisasi yang hebat dan dihormati. Begitu juga dengan JAKIM daripada sebuah Sekretariat MKI berkembang menjadi sebuah Jabatan seperti hari ini, yang fungsinya hampir sama seperti sebuah kementerian dalam urusan hal ehwal Islam ni Negara ini dan menjadi rujukan dan harapan semua pemegang taruh perlu dipertahankan dan diperhebatkan lagi.

9. YAB Perdana Menteri dalam banyak ucapan beliau meletakkan harapan yang tinggi kepada JAKIM agar menjadi model dan agensi contoh kepada kementerian dan jabatan. Sudah tentulah tanggungjawab untuk merealisasikan harapan ini terletak dibahu setiap warga JAKIM. Jadilah pegawai yang bertanggungjawab, amanah, berintegriti dan beradab dalam kita membawa misi pembangunan ummah. Warga JAKIM lah yang menjadi cerminan kepada organisasi contoh ini. Kalau kita tidak mampu menghidangkan idea-idea yang hebat ke arah peningkatan kemajuan organisasi, janganlah

pula kita menjadi menjadi orang yang merosakkan nama baik jabatan.

10. Kita perlu ada rasa keinginan untuk memastikan organisasi kita ini adalah organisasi yang bertanggungjawab membawa ummah yang menghayati kehidupan bertamadun berteraskan Al-Quran dan As-Sunnah. Marilah kita mulai dengan memperbetulkan *mindset* kita membina budaya dan cara hidup yang betul dan sewajarnya sebagai warganegara yang Islam merupakan agama yang diiktiraf sebagai agama Negara berdasarkan perlembagaan persekutuan. Budaya dan cara hidup masyarakat hari ini telah berubah dengan kepantasan perkembangan teknologi semasa. Kemunculan teknologi baharu seperti kecerdasan buatan atau *Artificial Intelligence* telah mendorong perubahan sistem kehidupan dengan pesat. Sebagai agensi agama, kita perlu menyesuaikan diri dengan perkembangan ini dan memastikan nilai-nilai Islam tetap terpelihara. Saya menyeru untuk sama-sama kita menempatkan diri dan organisasikan kita seiring perkembangan semasa agar perkhidmatan yang kita

tawarkan kepada masyarakat adalah mengikut perubahan masa.

11. Dalam mengurus organisasi **kita perlu bijak menghidu dan membaca kehendak *stakeholders* kita.** Pada masa kini, kerajaan memberi penekanan terhadap konsep Malaysia Madani. Malaysia Madani merupakan kesinambungan kepada proses berterusan ke arah pengislahan pentadbiran negara yang lebih maju ke hadapan berlandaskan nilai-nilai ketamadunan Islam yang syumul. Saya harap, pelaksanaan program-program jabatan perlu diselarikan ke arah menyokong usaha Madani yang diperkenalkan oleh kerajaan.

12. Sebagai ketua jabatan, saya amat berharap setiap dari kita berusaha untuk mempertingkatkan kualiti dalam segenap aspek. Bermula dengan kualiti profesionalisme diri sebagai penjawat awam, kualiti pengurusan dan pentadbiran kerja buat seharian kita, hinggalah kualiti dalam kita memberikan perkhidmatan kepada masyarakat.

13. Pada hari ini, saya serta pihak pengurusan dan seluruh warga JAKIM mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan **syabas dan tahniah kepada Darul Quran** kerana akan menerima **Sijil ISO 21001 : 2018 EOMS, QMS/QMS-i, ISO MS 9001 : 2015 dan 1900 : 2014** oleh SIRIM International Sdn. Bhd. Ini adalah bukti dan tanda bahawa kita sebenarnya boleh buat ke arah mencapai kualiti pengurusan yang kita inginkan.

14. Saya juga turut mengambil maklum bahawa **beberapa bahagian yang lain sedang giat dalam proses untuk mendapatkan pengiktirafan MS ISO 9001 : 2015**. Semoga berjaya.

15. Saya juga ingin memaklumkan bahawa JAKIM juga telah **berjaya melepasi audit luar bagi EKSA** dan insyaAllah sijil pengiktirafan tersebut akan dianugerahkan dalam Perhimpunan Agensi YB Menteri akan datang.

CABARAN DAKWAH MASA KINI

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

16. Saya dan pihak pengurusan JAKIM sangat berbangga kerana **semakin ramai dalam kalangan warga JAKIM yang menunjukkan kebolehan dan bakat baharu sebagai pendakwah dalam pelbagai bidang dan lapangan.** Namun, kita sedia maklum bahawa cabaran dakwah masa kini semakin hari semakin kompleks. Sebagai warga JAKIM, tanpa mengira skim perkhidmatan dan taraf jawatan, kita semua adalah pendakwah. Sasaran dakwah kita masa kini tak sama dengan masa lalu. Kita berhadapan dengan masyarakat moden di zaman IT, zaman warga media sosial. Dulu, mungkin Masyarakat boleh terima bulat bulat apa yang kita lontarkan. Tetapi sekarang masyarakat bijak menilai dan membuat pilihan. Ada yang menerima ikut selera, kerana dunia semakin terbuka. Ada yang sedia menerima dengan hujjah dan dalil. Maka persiapan kompetensi dan kandungan

dakwah kita perlu lebih berkualiti dan sesuai dengan peredaran masa.

17. Setiap zaman ada cabarannya. Sejak zaman Rasulullah SAW, sahabat, dan zaman berikutnya, ancaman perpecahan ummah merupakan cabaran dalam dunia dakwah. Fenomena perpecahan ummah di negara kita semakin hari semakin membimbangkan. Antara faktornya ialah ideologi politik kepartian. Memang Perlembagaan negara kita membenarkan demokrasi. Namun, kita seperti rugi apabila menjadikan demokrasi yang akhirnya membawa kepada perpecahan ummah. Sebagai agensi agama di peringkat persekutuan, kita perlu bertindak sebagai mediator (pendamai) kepada Masyarakat di luar sana. Saya menyeru semua warga JAKIM, marilah sama-sama kita letakkan diri kita sebagai individu atau pihak yang mendamaikan golongan yang bertelingkah. Janganlah pula kita menjadi seperti batu api yang menjadi punca maraknya api perpecahan. Sama-sama kita faham dan pegang Firman Allah SWT :

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا
اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

al-Hujurat: 10

Maksudnya: “Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu sertabertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.”

HAYATI SEMANGAT KEMERDEKAAN NEGARA

Saudara dan saudari Sekalian,

18. Kita masih lagi berada dalam Susana sambutan Bulan Kemerdekaan ke 66. Marilah sama-sama kita menginsafi dan mensyukuri nikmat kemerdekaan tanah air yang tercinta ini. Tema sambutan Bulan Kebangsaan pada tahun ini adalah **Malaysia Madani : Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan**. Marilah sama-sama menjaga perpaduan dan kerjasama khususnya antara kita warga JAKIM dan juga hubungan baik kita sebagai penjawat awam dengan masyarakat. Tempatkan diri kita sebagai golongan yang cintakan keharmonian dan kesejahteraan hidup di negara tercinta ini demi

kesinambungan generasi akan datang. Tingkatkan nilai professionalisme diri kita dalam melaksanakan tugas sebagai penjawat awam di mana sahaja kita berada. Saya menyeru semua warga JAKIM agar dapat **meningkatkan tahap etika kita** sebagai Pegawai Kerajaan dengan **tidak melibatkan diri** dalam perkara-perkara yang bertentangan dengan peraturan sebagai penjawat awam termasuklah mengeluarkan apa-apa kenyataan yang bercanggah dengan peraturan dan garis panduan penjawat awam.

19. Sempena memperingati 10 tahun peristiwa Tragedi Pencerobohan Suluk Lahad Datu dan Semporna pada tahun 2013, Jabatan ingin merakamkan ucapan penghargaan atas sumbangan warga JAKIM yang membantu pengurusan jenazah Perwira Negara yang maut dalam pertempuran pencerobohan di Kg. Simunul, Semporna, Sabah. Suka saya sebutkan nama-nama warga JAKIM yang memberi khidmat tersebut ialah :

1. USTAZ ZAINUDDIN BIN OTHMAN (KETUA CAW. AGAMA IPD SEMPORNA, KINI BERTUGAS DI KSK JAKIM)

2. USTAZ UBAEDILLAH BIN SODIQ (KETUA CAW. AGAMA IPD TAWAU, KINI DI INSTITUT PENJARA TAWAU)

3. USTAZ MOHD ZAINI BIN SALAWAT (IPD SEMPORNA)

4. USTAZ AZRIYANSHAH BIN SARAHARI (DI IPD SEMPORNA KINI DI MARKAS PASUKAN POLIS MARIN WILAYAH 4, KOTA KINABALU, SABAH)

5. USTAZ ANTASSARI PUTERA BIN ANWARA (IPD TAWAU)

6. USTAZ TAHANG@ ANDUR RAHMAN BIN SALLEH (PEJABAT PERHUBUNGAN KAFA JAKIM TAWAU)

KESERONOKAN DI TEMPAT KERJA

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dikasihi,

20. Saya amat menghargai pelbagai usaha yang dibuat oleh setiap warga JAKIM ke arah memupuk **budaya keseronokan bekerja** di jabatan. Setiap bahagian adalah disyorkan supaya melaksanakan aktiviti ke arah menyokong usaha ini. Peranan yang dimainkan oleh kelab-kelab kebajikan di setiap bahagian adalah diharapkan dapat membantu Jabatan dalam melahirkan warga kerja yang ceria dan bahagia.

21. Saya bersyukur dan berbangga dengan penubuhan **Kelab JAKIM SEJIWA yang telah didaftarkan secara sah pada bulan Mei** yang lalu. Walaupun masih bertaraf Jawatankuasa Penaja, namun Kelab ini telah berjaya melaksanakan acara **Kejohanan Sukan JAKIM 2023 (KESUJA)**. **KESUJA** juga turut diadakan di peringkat JAKIM Sabah dan Sarawak yang difahamkan melibatkan penyertaan warga JAKIM dari seluruh negeri

Sabah dan Sarawak termasuk guru-guru KAFA dan kader JAKIM. Syabas dan tahniah saya ucapkan.

22. Pada hari **Sabtu ini 9 September 2023** kita akan adakan **Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah KESUJA 2023 di ILIM Bangi**. Saya amat berharap kita semua warga JAKIM dapat meluangkan masa untuk sama-sama hadir sebagai tanda sokongan kita di samping dapat menjayakan semangat SEJIWA dalam kalangan kita semua.

PELANCARAN KEMPEN BUDAYA 3S

Warga JAKIM sekalian,

23. Hari ini saya akan melancarkan **Kempen Budaya 3S** iaitu **SENYUM, SAPA dan SALAM**. Terima kasih kepada UKK yang menggerakkan kempen ini dan saya amat berharap supaya kita semua warga JAKIM dapat menyambut kempen ini dan jadikan amalan senyum, sapa dan salam sebagai budaya hidup kita. Amalan senyum, sapa dan salam bukanlah sesuatu yang

baharu. Ia telah lama diamalkan dalam pelbagai organisasi dan sangat popular dalam sektor korporat. Amalan ini diharap akan membantu usaha untuk melahirkan suasana yang kondusif dan harmonis. Amalan ini akan melahirkan budaya saling hormat menghormati, kasih mengasihi dan perasaan harmoni. Ianya sangat wajar diamalkan sesama rakan sekerja mahupun tetamu yang berkunjung ke jabatan.

PENUTUP

24. Bagi mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya mengambil kesempatan untuk menyeru dan mengingatkan warga JAKIM agar terus memperkasakan diri dan sentiasa komited bersama-sama kerajaan untuk menjadikan sistem penyampaian perkhidmatan awam di negara kita ini lebih berkualiti dan berintegriti, lebih efektif dan efisien selaras dengan motto dalam penulisan surat rasmi kerajaan iaitu **SAYA YANG MENJALANKAN AMANAH** . Marilah kita bersama-sama berdoa agar apa yang kita lakukan ini mendapat keredhaan daripada Allah SWT, Insya Allah

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

6 September 2023